

Menuju negara kelas satu

UM - 11/9/2004: 1x4 Perdana

Oleh ZAHARUDDIN MOHD. ALI

KUALA LUMPUR 10 Sept. - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini membentangkan Bajet 2005 yang menjanjikan peningkatan taraf hidup rakyat sebagai asas ke arah menjadikan Malaysia sebuah negara kelas pertama.

Teras bajet pertama yang dibentangkan beliau selaku Perdana Menteri dan Menteri Kewangan ialah memberi perhatian kepada rakyat biasa dan golongan berpendapatan rendah serta orang kurang upaya (OKU).

Ia memperlihatkan bajet penyayang apabila 'tiada apa-apa yang diambil' kecuali kenaikan duti eksais rokok dan minuman keras, itupan bagi memupuk gaya hidup sihat di kalangan rakyat.

Bajet 2005 sebaliknya menyalurkan banyak insentif yang memanfaatkan pelbagai lapisan rakyat khususnya golongan berpendapatan rendah seperti meningkatkan pelepasan cukai orang kurang upaya; penambahan pelepasan cukai pendapatan individu untuk caruman KWSP dan takaful serta bayaran premium insurans hayat; serta kenaikan insentif Pasukan Gerak Khas (PGK) PDRM dan Komando ATM.

- Teks penuh - Muka 6 - 9
- Lagi laporan - Muka 2 - 5, 10, 11, 21, 24

"Saya bertekad supaya setiap rakyat dapat menikmati kehidupan yang sejahtera dalam suasana harmoni tanpa mengira kaum, pegangan agama dan taraf sosial.

"Kerajaan akan menyediakan persekitaran yang membolehkan seluruh rakyat meraih peluang dalam pelbagai aktiviti ekonomi. Inilah matlamat, inilah cita-cita, inilah ikrar saya," tegas Abdullah ketika membentangkan Bajet 2005 di Dewan Rakyat hari ini.

Berlatar belakangkan pertumbuhan ekonomi yang kukuh tujuh peratus pada 2004 dan jangkakan enam peratus pada 2005, bajet kali ini yang bertemakan 'Menjamin Kesenambungan Kejayaan', memperlihatkan kira-kira sejuta kaki-tangan awam akan menikmati bonus antara satu dan satu bulan setengah serta elaun perumahan yang lebih baik.

Turut mendapat ganjaran ialah guru dan pengetua cemerlang, anggota polis dan pegawai masjid.

■ Lihat muka 4



ABDULLAH Ahmad Badawi cerla menunjukkan teks ucapan Bajet 2005 di Kementerian Kewangan, Putrajaya, sebelum bertolak ke Parlimen untuk membentangkannya, semalam.

IP
IN
N
KEPIMPINAN
PERDANA

Menuju negara kelas satu

Abdullah turut mengumumkan bahawa ayenggaraan bangunan kerajaan akan dinalikan oleh pihak luar membabitkan kontraktor kecil atau kontraktor Kelas F. Jntuk menggalakkan lagi sektor teknologi komunikasi dan maklumat (ICT), beliau berkata, rebat cukai pembelian komputer riba dinaikkan kepada RM500 daripada 4400.

Faedah daripada tambahan pengecualian kai bagi pembelian buku juga dinaikkan pada RM700 daripada RM500 sebelum ini.

Dalam usaha menjadikan Malaysia pusat seni dan kebudayaan antarabangsa, ar-tempatan yang mengadakan persembaan yang diluluskan oleh Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan dikecualikan duti hiburan.

Kerajaan-kerajaan negeri juga diminta mengambil langkah yang sama.

Golongan OKU juga tidak ketinggalan endapat pertambahan jumlah pelepasan kai manakala pertubuhan kebajikan terlihan yang mengendalikan rumah perlindungan wanita dan kanak-kanak akan memperoleh geran kerajaan.

Bagaimanapun, bajet kali ini menyaksikan duti eksais ke atas rokok dan minuman keras dinaikkan bagi menggalakkan gaya hidup sihat.

Kerajaan menaikkan duti eksais rokok iaitu daripada RM58 sebelum ini kepada RM81 bagi setiap 1,000 batang manakala duti eksais ke atas arak dinaikkan daripada RM28 kepada RM23.40 kepada antara 10 sen an RM28 satu liter. Ia akan berkuat kuasa mulai esok.

Secara keseluruhan, Abdullah yang juga Menteri Kewangan berkata, kerajaan akan membelanjakan RM117.4 bilion dalam Bajet 2005.

Menurut beliau, dengan hasil yang dianggarkan sebanyak RM99.2 bilion, keseluruhan defisit Kerajaan Persekutuan dijangka dapat dikurangkan kepada 3.8 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KD-NK).

Sebanyak RM89.1 bilion atau 75.9 peratus ialah perbelanjaan mengurus manakala RM28.3 bilion untuk perbelanjaan pembangunan.

Sebanyak RM22.2 bilion untuk emolumen kakitangan awam, RM18.8 bilion bagi perkhidmatan dan bekalan, RM46.3 bilion bagi bayaran tetap dan geran, RM1.4 bilion bagi pembelian peralatan dan kemudahan pejabat dan RM400 juta bagi perbelanjaan lain.

Daripada perbelanjaan pembangunan, jumlah terbesar untuk sektor ekonomi iaitu RM13.9 bilion atau 49.1 peratus daripada jumlah keseluruhan dan ia adalah untuk prasarana, pertanian dan industri.

Sebanyak RM7.6 bilion atau 26.9 peratus untuk sektor sosial, termasuk pelajaran dan latihan serta kesihatan dan perumahan.

Sektor keselamatan diperuntukkan RM3 bilion atau 10.6 peratus dan pentadbiran am RM3.8 bilion atau 13.4 peratus.

Abdullah juga memberi penekanan terhadap peralihan ekonomi tokokan nilai tinggi dan melibatkan dinamisme yang lebih besar sektor pertanian bagi mengurangkan bil import makanan yang berjumlah RM13.9 bilion tahun lepas.

Bajet 2005 turut memberi penekanan terhadap penyusunan semula sektor pertanian sebagai enjin ketiga pertumbuhan selepas pembuatan dan perkhidmatan yang bertujuan menjadikan Malaysia pengeluar global yang kompetitif bagi produk pertanian.

Penekanan ini ialah terhadap penggunaan kaedah pertanian moden.

Kerajaan juga akan membangunkan guna

tenaga mahir dengan menjadikan Universiti Putra Malaysia (UPM) sebagai pusat kece-merlangan pendidikan pertanian; dan menggalakkan sektor swasta, terutama syarikat berkaitan kerajaan (GLC), menjadi pemangkin dalam usaha mengkomersialkan sektor pertanian.

Bagi tujuan itu, kerajaan akan menubuhkan sebuah dana RM300 juta sebagai bantuan modal.

Abdullah turut menyentuh pasaran makanan halal yang menurutnya dijangka meningkat kepada RM2 trilion pada 2005.

Sehubungan itu, Perdana Menteri berkata, potensi yang luas itu perlu direbut bagi membolehkan Malaysia menjadi salah satu pengeksport dan pengeluar terbesar makanan halal dunia.

Satu dana bagi pembangunan dan promosi produk halal akan diwujudkan dengan peruntukan RM10 juta untuk membiayai kajian perancangan perniagaan, pembangunan teknologi dan pasaran serta peningkatan produktiviti dan kualiti untuk memperoleh pensijilan antarabangsa dan pembangunan pasaran eksport.

Bagi memantapkan pasaran modal tempatan, Menteri Kewangan itu berkata, kerajaan akan membenarkan sehingga lima syarikat broker saham asing utama untuk beroperasi di Malaysia dan kehadiran mereka akan memperkukuhkan rangkaian agihan dan meningkatkan mudah tunai.

Kerajaan juga akan membenarkan sehingga lima pengurus dana terkemuka di dunia untuk beroperasi di Malaysia bagi memperkukuhkan kepakaran pentadbiran dana serta memperbaiki kualiti perkhidmatan.

Bagi membantu Malaysia menjadi sebuah pusat kewangan serantau, agensi supranasional dan multinasional seperti

Bank Dunia, International Finance Corporation dan Asian Development Bank dan multinasional asing dibenarkan mengeluarkan bond dalam nilai mata wang ringgit

Bagi membangunkan lagi sistem kewangan Islam, termasuk takaful, Abdullah berkata kerajaan berazam menjadikan Malaysia sebagai pusat bagi perkhidmatan kewangan Islam.

Sebagai permulaan, sebuah institusi latihan kewangan antarabangsa akan ditubuhkan bagi melahirkan pakar dalam sistem kewangan Islam untuk mengukuhkan lagi sistem kewangan Islam.

Abdullah juga mengumumkan penubuhan Amanah Pelaburan Hartanah (APHT) yang bertujuan memperbaiki kecairan dalam sektor hartanah.

Bagi mewujudkan usahawan yang kompetitif khususnya bumiputera, Projek Usahawan Bumiputera Dalam Bidang Peruncitan (Prosper) akan diperluas.

Usahawan bumiputera yang memperoleh kontrak jangka panjang selama lima tahun dalam industri pertahanan, boleh dipertimbangkan untuk industri lain.

Menyentuh mengenai prospek ekonomi 2005, Abdullah berkata, sektor pembuatan akan terus menerajui pertumbuhan ekonomi manakala sektor perkhidmatan dan pertanian terus aktif.

Kedudukan perdagangan luar negara dijangka terus kukuh dengan perkembangan eksport mengatasi import.